

Fakta
nombor5,517
KESrasuah dilapor
dari 2009
hingga 2013RM1,000-
RM1 juta
NILAIwang rasuah
ditawarkan

[FOTO HEASAN]

Wanita mudah terdedah kepada jenayah seperti rasuah seks.

Rasuah seks sukar dibuktikan

➔ Pencegahan perlu elak wanita jadi mangsa, buka pintu pelacuran

Oleh **Fatin Hafizah Mohd Shahr**
fatin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Wanita dijadikan habuan seks sewajarnya dibendung bagi mengelak dan membuka ruang kepada peningkatan kes pelacuran di negara ini.

Isu berkenaan tidak seharusnya dipandang remeh kerana ia melambangkan keruntuhan moral masyarakat dan merendahkan imej wanita sebagai objek seks.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran, berkata bagi memastikan isu ini dibanteras sepenuhnya, perlu ada mekanisma perundangan yang lebih berkesan.

Justeru, katanya, penafsiran lebih khusus terhadap rasuah seks perlu diperjelaskan sama ada ia membabitkan kes jenayah atau kes tuntutan sivil di bawah undang-undang pekerjaan.

Tak boleh dipandang remeh

"Walaupun kes ini dilihat secara senyap, ia tidak boleh dipandang remeh. Isu ini perlu diberi perhatian serius kerana wanita yang mudah terdedah kepada jenayah

ini tanpa disedari," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohamad Shatar berkata, wanita sering dilihat sebagai elemen penting melambangkan keindahan, keseronokan dan kecantikan penting dalam kehidupan terutama lelaki

Bersetuju jadi habuan

"Rasuah seks berkait rapat dengan wanita dilihat sebagai satu kaedah paling efektif untuk menjadikan mereka sebagai habuan dalam mendapatkan keperluan atau kehendak daripada pembekal dan penerima.

"Dalam konteks pemberian rasuah seks ia membabitkan persetujuan antara tiga pihak iaitu pemberi, penerima dan wanita bersetuju menjadi habuan dan diberi imbuhan," katanya.

Dalam perspektif lain ia berlaku secara berleluasa sehingga membawa kepada pelbagai masalah sosial, kesihatan dan menghidupkan industri seks yang negatif.

"Tindakan haram ini membabitkan maruah wanita ini juga semakin berleluasa berpunca nafsu materialistik, wang dan seks yang mengatasi kewarasan akal manusia.

"Senario ini kian membimbangkan sekali gus menunjukkan sistem diketengahkan seakan ku-



Amalan semua jenis rasuah termasuk seks mesti dibawa ke muka pengadilan sekiranya mahu mencegahnya dan meningkatkan martabat wanita"

Mohamad Shatar Sabran,
Timbalan Naib Canselor (Hal
Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Putra Malaysia

rang peka dan seharusnya mempertingkatkan penguatkuasaan," katanya.

Tanpa ada dokumen

Hari ini, pemerasan dan sogokan seks menjadi satu masalah di serata dunia, yang memberi impak mendalam terhadap individu dan masyarakat.

"Namun, di negara ini lebih sukar untuk membuktikan rasuah seks berbanding dengan kes peras ugut wang dan harta.

"Pemerasan atau habuan seks ini hanya membabitkan lisan dan persetujuan antara pihak tanpa memberikan sebarang dokumen bukti sebagainya," katanya.

"Semua pihak berkaitan perlu memainkan peranan sekiranya mahu membanteras dan mendakwa mereka yang melakukan jenayah ini. Mangsa perlu diberi perlindungan dan bantuan serta kaunseling," katanya.

Tegasnya, penubuhan pasukan khas untuk mengkaji dasar dan program dan menggerakkan usaha pencegahan, pemulihan dan membanteras aktiviti perdagangan wanita.

"Amalan semua jenis rasuah termasuk seks mesti dibawa ke muka pengadilan sekiranya mahu mencegahnya dan meningkatkan martabat wanita," katanya.